

Kementerian pengangkutan sediakan nota covid-19

PUTRAJAYA : Kementerian Pengangkutan akan menyediakan satu nota mengenai impak koronavirus (Covid-19) untuk dijadikan rujukan pelbagai kementerian lain dalam merangka strategi menanggani penularan jangkitan virus itu, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong. Beliau berkata, Kementerian Pengangkutan ditugaskan untuk menyediakan nota berkenaan dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama di Perdana Putra di sini semalam.

Ka Siong berkata, beliau mendapat laporan awal mengenai pembatalan penerbangan yang banyak ke Malaysia sejak Covid-19 merebak dan keadaan itu pasti memberi kesan kepada rakyat Malaysia. "Kesan perkembangan ini kepada sektor pelancongan sangat besar. Nota (yang akan disediakan Kementerian Pengangkutan) akan menjadi pangkalan data bagi kementerian lain untuk mengkaji impak Covid-19. Kami (semua kementerian) bekerjasama sebagai satu pasukan," katanya. - Benama

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 12 | 12 MAC 2020